Mingguan Katolik
HERALD
EDARAN DALAMAN SAHAJA

Itulah sebabnya aku ini, Paulus, orang yang dipenjarakan kerana Kristus Yesus untuk kamu orang-orang yang tidak mengenal Tuhan. Memang kamu telah mendengar tentang tugas penyelenggaraan kasih karunia Tuhan, yang dipercayakan kepadaku kerana kamu, iaitu bagaimana rahsianya dinyatakan kepadaku dengan wahyu, seperti yang telah ku tulis di atas dengan singkat.

Efesus3: 2-3

Januari 2, 2022 www.heraldmalaysia.com

Pesan Keamanan Sri Paus Fransiskus, 1 Januari 2022

Dialog, pendidikan, pekerjaan: Faktor keamanan, kebebasan

TAKHTA SUCI: Dalam perutusan tahunannya untuk Hari Keamanan Sedunia Gereja Katolik, Sri Paus Fransiskus memberikan tiga pendekatan atau langkah konkrit untuk mengekalkan keamanan.

Pertama: Dialog antara generasi sebagai asas untuk merealisasikan projek bersama

Dialog menuntut semangat mempercayai dan perlu mendengar antara peserta, berkongsi pandangan yang berbeza, mencapai persetujuan dan berjalan bersama. Ini amat penting, antara generasi: orang tua (orang-orang yang berpengalaman) — dan orang muda (penggerak sejarah masa hadapan).

"Walaupun pembangunan teknologi dan ekonomi cenderung mewujudkan jurang antara generasi, krisis masa kini yang kita hadapi, menunjukkan keperluan mendesak bagi antara generasi untuk bertindak, lebih-lebih lagi penjagaan bumi kita bersama.

Pendekatan kedua dalam mengekalkan keamanan: Pendidikan. Ia satu cara utama untuk menggalakkan pembangunan insan yang integral. Ia menjadikan individu lebih bebas dan lebih bertanggungjawab serta penting untuk mempertahankan dan mempromosikan keamanan.

"Sudah tiba masanya kerajaan membangunkan dasar ekonomi yang lebih menumpukan pendidikan dan mengurangkan perbelanjaan dalam sumber persenjataan.

Sri Paus juga menyeru untuk menempa paradigma budaya baharu melalui "pakatan global mengenai pendidikan untuk dan dengan generasi akan datang", yang membabitkan semua pihak berkepentingan untuk menggalakkan ekologi integral dan model keamanan, pembangunan dan kemampanan berpaksikan persaudaraan dan perjanjian antara manusia dan alam sekitar.

Pendekatan ketiga yang dinyatakan oleh Sri Paus Fransiskus ialah kepercayaan bahawa pekerjaan adalah faktor yang sangat diperlukan dalam membina dan menjaga keamanan.

Kesan buruk pandemik COVID-19 terhadap dunia pekerjaan, menyebabkan aktiviti ekonomi dan produktif gagal dan pengangguran meningkat tinggi. Sri Paus menekankan kerja, pekerja, dan hak mereka adalah asas untuk membina keadilan dan perpaduan dalam setiap komuniti.

Di satu pihak, katanya, kerja adalah satu keperluan, sebahagian daripada makna kehidupan di bumi ini, laluan untuk pertumbuhan, pemenuhan peribadi dan peluang untuk menyumbang kepada masyarakat.

Sebaliknya, "adalah lebih mendesak daripada sebelumnya untuk mempromosikan ke seluruh dunia kita, keadaan kerja yang baik dan bermaruah, berorientasikan kebaikan bersama dan untuk menjaga ciptaan."

"Kebebasan inisiatif keusahawanan perlu dipastikan dan disokong; pada masa yang sama, usaha mesti dibuat untuk menggalakkan rasa tanggungjawab sosial yang diperbaharui, supaya keuntungan tidak menjadi satu-satunya kriteria panduan."

Sri Paus Fransiskus seru melebihkan perbelanjaan dan dana untuk pendidikan, bukan senjaya. Gambar menunjukkan sekolah kelolaan Missionaries of the Most Blessed Sacrament di Beit Hebbak, di Lebanon. (Media Vatikan).

Di sisi lain, pekerajaan adalah satu keperluan, sebahagian daripada makna kehidupan di bumi ini, laluan kepada pertumbuhan, pemenuhan peribadi dan peluang untuk menyumbang kepada masyarakat. Namun, pada masa ini, sangat penting untuk mempromosikan ke seluruh dunia kita, keadaan atau persekitaran pekerjaan yang baik dan bermaruah, berorientasikan kebaikan bersama dan untuk menjaga ciptaan."

Sri Paus menggalakkan semua pekerja dan usahawan Katolik untuk berusaha mewujudkan "keseimbangan yang adil antara kebebasan ekonomi dan keadilan sosial," dengan berpandukan pedoman yang terdapat dalam doktrin sosial Gereja.

Lelaki dan wanita diseru akan menyedari dan segera memikul peranan mereka dalam masyarakat, dan bagi yang bekerja dan mencari kepuasan dalam pelbagai kepercayaan, harus diingati dan disedarkan bahawa maruah manusia perlu dihormati. Pekerjaan yang selamat dapat menjadi sarana perdamaian, berjalan bersama dengan dua pendekatan penting iaitu Dialog dan Pendidikan.

Ketiga-tiga elemen ini sangat diperlukan untuk membolehkan penciptaan perjanjian sosial kerana tanpanya setiap projek keamanan akan sia-sia.

Hari Keamanan Sedunia — yang dimulakan oleh Sto Paulus VI pada tahun 1968 — disambut setiap tahun pada 1 Januari, sempena Hari Raya Maria, Bonda Tuhan. Sri Paus menulis pesan itu yang turut dihantar kepada para diplomat dan pemimpin di seluruh dunia.

Pada akhir pesannya, Sri Paus menulis, "Kepada para pemimpin kerajaan dan kepada semua yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab politik dan sosial, kepada para paderi dan pekerja pastoral, dan kepada semua lelaki dan wanita yang berkehendak baik, saya membuat permohonan ini: marilah kita berjalan bersama dengan keberanian dan kreativiti dengan menggunakan tiga pendekatan penting: Dialog, Pendidikan dan Pekerjaan antara generasi.

Sri Paus Fransiskus juga memohon Tuhan agar memberikan ketenangan dan persatuan kepada keluarga serta memuji dan menghargai usaha-usaha gigih dan individu-individu yang bekerja tanpa mahu dikenali demi mengekalkan damai dan memperjuangkan keadilan lebih-lebih lagi pada masa pandemik ini. — ***Media Vatikan***

Ruang untuk Yesus

Yesus dilahirkan di luar bandar, bukan di hospital, di luar rumah biasa. Injil menyatakan kepada kita bahawa Dia dilahirkan di kandang haiwan, di luar bandar kerana tidak ada kamar mahupun ruang untuk mereka di rumah penginapan.

Kita sering mengecam pemilik rumah penginapan yang tidak dikeanli itu kerana menolak Maria dan Yosef. Pengajaran dari kisah ini ialah perlunya mengurangkan kesibukan diri dalam hidup kita, supaya kita tidak terlalu sibuk dan leka sehingga tidak ada ruang untuk Tuhan untuk lahir dalam hidup kita.

Sesungguhnya, ada pengajaran melalui kisah penolakan ini yang saya sendiri perlukan untuk hidup saya sendiri. Saya menghadapi tekanan beberapa minggu yang lalu, maka pada tahun ini, saya tidak mempunyai peluang untuk mempersiapkan Krismas, sekadar memikirkan begitu-begitu sahaja.

Tiada 'kamar penginapan' di hati saya sekarang! Oleh itu, saya amat bersimpati kepada pemilik rumah penginapan dalam kisah kelahiran Yesus kerana tahu, betapa mudahnya terlupa dan terlalu sibuk untuk mengalu-alukan pelawat ilahi.

Inilah cabaran penting kita pada masa ini. Para sarjana Alkitab menyadakan di sebalik kisah itu, ada pengajaran mendalam tentang fakta bahawa Yesus dilahirkan di kandang haiwan, di luar bandar kerana tidak ada ruang untuknya di rumah penginapan.

Perkara sebenar yang dikemukakan oleh Injil bukanlah untuk menyerlahkan sikap tidak berperasaan si pemilik penginapan, tetapi fakta bahawa Yesus dilahirkan di luar bandar, di luar keselesaan, di luar dunia glamor dan kemasyhuran, di luar pengiktirafan daripada orang-orang kaya dan yang berkuasa, di luar notis dunia seharian.

Yesus dilahirkan dalam keadaan tanpa nama, miskin, tidak diberitakan di mana-mana media, kecuali dengan iman dan Tuhan.

Kelahirannya di luar kota juga merupakan kenyataan awal akan kematian dan pengebumian-Nya. Kehidupan Yesus di dunia akan berakhir seperti Dia dilahirkan, sebagai orang asing, orang luar, disalibkan di luar kota, dikuburkan di luar kota, sama seperti Dia dilahirkan di luar kota.

Thomas Merton pernah menulis ulasan yang sangat menyentuh tentang ini: *Ke dunia ini, rumah penginapan yang tidak berperikemanusiaan ini, di mana sama sekali tidak ada ruang untuk-Nya, Kristus telah datang tanpa diundang.*

Tetapi kerana Dia tidak dapat dilahirkan dalam sebuah rumah kerana tidak ada tempat untuk-Nya. Tempatnya adalah dengan mereka yang ditolak dan diabaikan, dengan mereka yang ditolak oleh kuasa kerana mereka dianggap lemah, tempat-Nya adalah dengan mereka yang dihina, yang dinafikan martabat mereka sebagai manusia, yang diseksa, dibom, dan dimusnahkan.

Dia berada dengan mereka yang tidak mempunyai ruang. Kristus hadir di dunia. Dia hadir

secara misteri di kalangan mereka yang kelihatannya tiada apa-apa selain dunia yang paling teruk.

Yesus dilahirkan ke dunia ini tanpa disedari, di luar kota, di luar pengetahuan semua orang dan kelahiran-Nya bukanlah peristiwa yang penting pada masa itu. Dua ribu tahun kemudian, kita kini menyedari kepentingan kelahiran itu. Sesungguhnya dunia mengukur masa dengannya.

Kita berada di tahun 2021 sejak kelahiran tanpa disedari itu. Bagaimanapun, pada masa itu, hampir semua orang tidak mengambil peduli terhadap kelahiran-Nya.

Apa pengajarannya? Apa yang harus kita pelajari? Antara lain, ini bertujuan untuk memberi kita perspektif yang berbeza berbanding perkara yang paling penting dalam dunia ini dan apa yang tidak.

Siapa yang akhirnya membentuk sejarah? Penggerak dan penggoncang besar atau mereka yang tidak dikenali?

Berdasarkan Kitab Suci, kebanyakan kita dilahirkan di luar bandar, bermakna dalam hidup kita, kita akan selamanya menjadi orang luar, tidak dikenali, tanpa nama, orang yang tidak penting, tinggal di bandar kecil, orang yang di luar dari gambaran besar dan tindakan besar. Foto dan cerita kita tidak akan menjadi tajuk utama.

Nama kita tidak akan pernah gemilang, terkenal dan kita akan hidup dan mati tanpa dikenali, tidak diketahui oleh ramai orang di luar lingkungan kehidupan kita.

Kebanyakan kita akan menjalani kehidupan dalam kekaburan yang sunyi, di kawasan luar bandar, di bandar-bandar kecil, dan di bahagian-bahagian yang tidak dikenali di bandar kita, menonton peristiwa besar dunia kita dari luar dan sentiasa melihat seseorang sebagai orang penting.

Kita sendiri, nampaknya, akan kekal selama-lamanya tidak dikenali dan bakat serta sumbangan kita tidak akan disedari oleh sesiapa pun, mungkin juga oleh keluarga kita sendiri. Secara kiasan, kita akan sentiasa "di luar bandar".

Kita akan hidup, bekerja, dan melahirkan cinta dan kehidupan di tempat yang sederhana.

Mungkin yang paling menyakitkan hati, kita akan tahu betapa kecewanya apabila tidak dapat benar-benar memberikan bakat dan anugerah kita kepada dunia, malah simfoni dan melodi terdalam dalam diri kita juga tidak akan pernah menemui banyak ekspresi di dunia luar.

Impian kita dan kekayaan terdalam kita tidak akan pernah menemui banyak peringkat duniawi. Tidak akan ada tempat di rumah penginapan untuk apa yang terbaik dalam diri kita dilahirkan.

Kekayaan kita yang mendalam, seperti kelahiran Yesus di dunia kita, akan kekal "di luar kota", akhirnya mati oleh kematiran tanpa nama dan ekspresi diri yang tidak mencukupi (juga "di luar kota").

Maria melahirkan Kristus di sebuah bangsal di luar kota kerana tiada ruang di rumah penginapan. Ini adalah kenyataan tentang sikap tidak mesra seorang pemilik penginapan yang terlalu tertekan. Ini adalah pengajaran penting tentang bagaimana kita perlu menilai perkara yang akhirnya membentuk kehidupan.

Pada dasarnya, ia memberitahu kita bahawa tidak semestinya mereka yang kelihatan mengetuai perkara utama (yang berkuasa, kaya, terkenal, pemimpin kerajaan, selebriti hiburan, ketua korporat, sarjana, ahli akademik) tidak akan sentiasa kekal mashyur dan penting.

Perkara yang paling bermakna dan paling penting dalam hidup kita ialah mereka atau diri kita yang dilahirkan tanpa nama, tanpa disedari oleh orang-orang berkuasa, terbungkus lembut dalam iman, di luar bandar. — ***Hakcipta Terpelihara 1999-2022 @ Fr Ron Rolheiser***

Menjadi Betlehem baharu

HARI RAYA PENAMPAKAN TUHAN (C)

YESAYA 60:1-6

EFESUS 3:2-3A.5-6

INJIL MATIUS 2:1-12

Pada hari ini Injil Matius berceritera tentang orang-orang Majus, iaitu orang-orang bijak yang datang dari jauh untuk menyampaikan penghormatan kepada Raja, yang baru dilahirkan di Betlehem, yang bukan raja di negara mereka sendiri.

Mereka datang dari Timur, iaitu daerah yang dahulu disebut Babilonia dan Persia Utara, yang sekarang ini dikenali sebagai Irak dan Iran Utara. Sementara itu, Injil Lukas juga berceritera tentang kedatangan gembala-gembala ke Betlehem dengan tujuan yang sama.

Kedua-dua kisah dalam Injil itu mahu menyampaikan tentang penampakan diri Tuhan (*epiphania Dei*). Masing-masing menggunakan bahasa pewartaan atau melaksanakan komunikasi iman secara berbeza, namun sebenarnya mempunyai tujuan yang sama.

Injil atau Khabar Gembira yang ingin disampaikan oleh Matius mahupun Lukas adalah kelahiran Yesus sebagai Juru Selamat, yang sudah lama dinantikan. Injil Matius ditujukan kepada orang-orang Yahudi, sedangkan Injil Lukas ditujukan kepada segala bangsa, bukan hanya kepada orang-orang Yahudi.

Kelahiran Yesus merupakan suatu penampakan diri Tuhan sendiri. Tuhan menggunakan manusia sendiri sebagai perantaraan-Nya, iaitu orang-orang Majus (Mat) dan juga melalui gembala-gembala (Luk). Tuhan menggunakan bahasa komunikasi sesuai dengan cara berfikir dan berbicara masing-masing.

Dengan bahasa moden dapat dikatakan, bahawa Tuhan berkomunikasi dengan manusia secara kontemporari, sesuai dengan zamannya, secara adaptatif agar dapat difahami. Dan kepada gembala-gembala Tuhan berbicara melalui malaikat-malaikat dan bala tentera syurgawi.

Tetapi kepada orang-orang majus, yang mahir dalam bahasa ilmu perbintangan sekaligus adalah ulama, Tuhan berbicara melalui isyarat bintang.

Meskipun orang-orang yang menerima khabar gembira berbeza-beza, namun apa yang diwartakan oleh Matius dan Lukas adalah sama, iaitu Tuhan datang kepada orang-orang yang mencari Dia! Ketika mendengar berita tentang kelahiran Yesus itu, masyarakat Yerusalem dan Herodes kehairanan dan sangat terkejut.

Mereka tidak menginsafi peristiwa yang sebenarnya terjadi. Hanya gembala-gembala dan orang-orang majuslah yang dapat mengenal Tuhan, yang memang bereaksi akan peristiwa itu.

Apa pesan Injil Matius dan Lukas kepada kita? Orang-orang majus termasuk golongan "orang-orang besar", golongan tokoh-tokoh terhormat! Sedangkan gembala-gembala adalah orang-orang yang paling biasa, "orang-orang kecil", orang-orang pinggiran, yang tidak mempunyai kedudukan.

Ternyata Tuhan sama sekali tidak membezakan keadaan luar yang serba kelihatan pada pandangan setiap orang. Ia lebih menampakkan diri kepada hati setiap orang yang murni tanpa perbezaan hatinya. Ternyata keadaan batin, rohani, suara hati setiap orang, — itulah yang mampu mengenal Tuhan, bila Dia menampakkan diri-Nya.

Kita semua diajak memeriksa diri kita masing-masing. Siapakah aku ini sebenarnya? Apakah aku ini, sedar atau tidak sedar, menampilkan diriku kepada Tuhan dan sesamaku sebagai "orang besar", "orang elit"? Atau sebaliknya aku menghadap Tuhan sebagai "orang kecil", sebagai "orang biasa" seperti keadaanku yang nyata?

Apakah aku harus tampil sebagai orang penting dalam menghadap Tuhan, yang menampakkan diri kepadaku? Sanggupkah aku menjadi dan dianggap sebagai Betlehem, tempat begitu sederhana dan kurang dikenal, tetapi dipilih sebagai tempat kelahiran Yesus Raja Agung, Juru Selamatku?

Beranikah aku menjadi Betlehem baru, di mana Yesus dapat sungguh dilahirkan kembali?

Kenyataan yang ada ialah, bahawa Tuhan yang menampakkan diri dalam diri Yesus bukan dilahirkan di istana Herodes, melainkan di kandang haiwan di Betlehem.

Setiap orang di hadapan Tuhan harus mahu menjadi "orang kecil", bukan sebagai "orang besar". Siapapun yang menganggap dirinya besar di hadapan Tuhan, tidak akan pernah mengenal Juruselamatnya.

Orang yang merasa dirinya sebagai "majus", "orang besar" jangan takut seperti Raja Herodes yang takut kehilangan kebesarannya untuk mengunjungi Yesus di Betlehem, bahkan mengubah diri menjadi Betlehem.

Menampakkan diri kepada Tuhan dan sesama sesuai dengan keadaan peribadi masing-masing yang sebenarnya, tidak dibuat-buat, itulah sikap dasar manusia autentik seperti telah diteladani oleh Yesus dalam jalan yang ditempuh-Nya dalam kelahiran, kehidupan, kematian dan kebangkitan-Nya. — ***Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm., imankatolik.com***

Katolik diseru buat perubahan positif dalam masyarakat

KUCHING: Pengerusi Persatuan Gereja-gereja di Sarawak, Uskup Agung Poh menghantar Perutusan Krismas dengan menekankan kepentingan mematuhi SOP sepanjang perayaan Krismas.

"Sarawak kini berada dalam Fasa Pemulihan Nasional 3, dengan berita tentang varian Omicron COVID-19 telah mula menular di tempat ini. Dalam konteks inilah kita harus mematuhi SOP dalam meraikan Krismas.

Oleh itu, Gereja Katolik dan Anglican yang secara tradisinya mengadakan Rumah Terbuka Krismas tahunan, tidak menganjurkan acara tersebut pada tahun ini demi mengekang penularan varian Omicron COVID-19.

Begitu juga dengan karoling dari rumah ke rumah, pada 21 November, Ketua ACS Gereja masing-masing telah bersetuju menangguhkan aktiviti tersebut.

Bagi mengisi 'kekosongan'Krismas, kami memutuskan untuk menganjurkan Pelayanan Krismas Bersama" secara maya yang dilancarkan pada 22 Disember — dengan tema "HARAPAN".

Uskup Agung Poh memberi penghargaan kepada semua ketua dan pemimpin Gereja di Sarawak atas kerjasama dan sokongan mereka dalam mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh SDMC dan UNIFOR sejak dua tahun lepas.

"Terbukti ia berkesan dalam menghalang munculnya kluster Covid-19. Saya bersyukur kerana Gereja telah menyumbang banyak untuk membantu membendung wabak ini di Sarawak. Sebagai orang Kristian, ini adalah komitmen kita dalam memastikan kes-

Kenangan Misa Krismas sebelum pandemik yang dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh

elamatan semua."

Uskup Agung Poh menyeru agar semua umat, apabila berada di Gereja, tempat kerja atau dalam komuniti, terus setia mematuhi SOP, memakai penutup muka semasa berada di khalayak ramai, mengurangkan lingkaran perhubungan, menjaga jarak dan sentiasa mensanitasi tangan.

Krismas adalah musim Menyayangi dan Memberi. Oleh itu, Uskup Agung Poh merayu kepada semua orang untuk sentiasa mengingati keluarga, warga emas dan mereka yang memerlukan serta sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan untuk membawa harapan dan kegembiraan Krismas.

Prelatus itu juga meminta umat agar bermurah hati membantu mangsa banjir di Semenanjung. Katanya, tindakan kasih sayang ini pasti dapat membuat perubahan positif dalam masyarakat pada Krismas ini.

Krismas adalah realiti, memberi kesan hebat kepada hidup kita

KOTA KINABALU: "Inilah Khabar Sukacita yang diberitakan oleh Sto Lukas kepada kita malam ini bahawa Juruselamat kita, Yesus Kristus telah dilahirkan untuk kita; Dia menjadi manusia; Dia menjadi makanan bagi manusia, dan Dia membawa kedamaian kepada semua," kata Uskup Agung John Wong semasa memimpin Liturgi Malam Menjelang Natal, 24 Disember di Katedral Hati Kudus, Karamunsing.

Misa Menjelang Natal, buat kali kedua, disambut pada masa pandemik dan mematuhi SOP demi membendung penularan COVID-19.

Selepas pembacaan Injil, Uskup Agung Wong pergi ke palungan yang tidak berlampu, bersama pembantu selebran, Fr Joshua Liew dan para pelayan altar. Prelatus itu mengangkat kain yang menampakkan patung Bayi Yesus,yang kemudiannya diletakkan di atas palungan dengan penuh hormat dan didupai dengan kemenyan.

Semasa memulakan homilinya, Uskup Agung Wong mengimbas lagu pujian tradisional *Silent Night, Holy Night*. Katanya, "Kita semua dijemput untuk mengambil bahagian dalam kekudusan Tuhan ini, tetapi untuk mengambil bahagian dalam kekudusan ini, kita memerlukan 'keheningan' agar dapat bertemu dengan Dia yang dilahirkan untuk kita malam ini,

dan yang hadir di sini."

Walau bagaimanapun, realiti hari ini, kita berjuang untuk mencari "keheningan" kerana kita dihujani oleh banyak bunyi dari dunia dan dari dalam diri kita, dan dari pelbagai peristiwa di sekeliling kita; kita sibuk membuat satu aktiviti ke satu aktiviti atau dari satu program ke program yang lain.

"Mudah untuk berfikir atau bercakap tentang Krismas, dan mudah untuk mempercayai Krismas, tetapi sukar untuk menghidupi Krismas," kata Uskup Agung.

"Krismas," tambahnya, "adalah realiti hidup, yang terus berlaku, dan harus memberi kesan kepada kehidupan kita hari ini."

Prelatus itu menyatakan bahawa, "Krismas adalah masa untuk meraikan realiti ini; realiti bahawa Tuhan ingin mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan seharian kita, memimpin kita untuk menjalani identiti sebenar kita sebagai putera dan puteri-Nya yang dikasihi."

Justeru, beliau menekankan, "menghidupkan Krismas adalah menghidupkan identiti kita sebagai anak-anak Tuhan dengan kegembiraan, kedamaian, harapan dan kasih sayang-Nya.

"Sebagai anak-anak Tuhan, kita hidup bersama Tuhan yang hadir, hidup dan aktif, kerana kita telah membuka hati kita untuk menerima Juruselamat kita Yesus Kristus, yang dilahirkan untuk kita hari ini; Dia datang untuk tinggal di antara kita, dan ingin hidup dalam diri kita," tegasnya.

Pada akhir homilinya, Uskup Agung menjelaskan, "Yesus ingin menyampaikan pesan Krismas ke dalam hati kita bahawa kita tidak dicipta untuk menjalani kehidupan sahaja, tetapi ingin mengubah hidup kita ke arah yang nyata dan penting kerana Firman telah menjadi daging, Dia tinggal di antara kita dan di dalam kita." — ***Catholic Sabah***

Tanya Jawab

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson, 50150 Kuala Lumpur

ATAU

Email:
editor1@herald.com.my

Pemakaman bagi mereka yang pindah Gereja

Soalan: Kakak saya dahulunya Katolik tetapi kemudian kerana suatu peristiwa kecewa dengan seorang pemuda, maka dia berpindah agama menjadi Kristian. Dia sudah meminta pada pendetanya untuk upacara pemakaman secara Kristian.

Hal ini mencetus masalah dalam keluarga kerana semua keluarga kami beragama Katolik dan kami masih menganggap dia Katolik. Jika dia meninggal, bolehkah kami, keluarganya meminta Paderi untuk melakukan pemakaman secara Katolik dan mendoakan arwahnya dalam Misa? Bolehkah dia dimakamkan di makam keluarga kami yang kenyataannya Katolik semua? — Paula

Jawaban: Pertama, memang benar bahawa seorang Katolik tetap adalah Katolik meskipun dia berpindah agama, kerana melalui sakramen Baptis, dalam jiwanya sudah diberikan meterai sakramental yang bersifat kekal dan tak terhapuskan. Akan tetapi, Gereja menghormati pilihan dan sikap peribadi seseorang tentang kepercayaan, dan kerana itu Gereja merasa tidak berhak untuk memaksakan iman dan upacara keagamaan Katolik pada seseorang yang sudah meninggal yang secara eksplisit menolak Gereja Katolik pada waktu masih hidup.

Dapat jadi, pemaksaan upacara agama Katolik merupakan pelanggaran atas pilihan agama yang dianuti. Jadi, kita perlu menghormati pilihan seseorang bahkan juga ketika yang bersangkutan sudah meninggal. Maka, upacara pemakaman tetap harus dilakukan sesuai permintaannya, iaitu secara Kristian.

Kedua, doa arwah dan juga perayaan Ekaristi boleh dipersembahkan untuk siapa pun, baik yang Katolik mahupun bukan Katolik.

Anggota keluarga dari orang yang meninggal tentu ingin juga mendoakan orang yang meninggal itu, dan caranya tentu sesuai dengan agama dari anggota keluarga yang masih hidup dan ingin mendoakan.

Kerana itu, tentu boleh melakukan doa arwah secara Katolik bagi saudara yang bukan Katolik. Jika doa arwah dilakukan pada saat jenazah masih disemayamkan di rumah duka, tentu harus memperhitungkan perasaan anggota keluarga inti dari orang yang meninggal.

Jangan sampai pada masa berduka itu, keluarga dekat ini merasa terusik oleh sesuatu yang tidak mereka percayai. Demikian pula, hendaknya doa arwah secara Katolik atau perayaan Ekaristi itu tidak menyebabkan batu sandungan untuk umat atau masyarakat sekitar.

Mempersembahkan Misa untuk arwah oleh keluarga atau kerabat dan teman-teman, juga untuk mereka yang tidak beriman Katolik, sungguh sangat dianjurkan. Gereja menghormati keyakinan peribadi dari orang yang meninggal, juga sesudah kematiannya.

Pada lain pihak, Gereja juga berusaha semaksimal mungkin untuk agar kasih Yesus untuk semua orang dapat dirayakan baik dalam doa arwah mahupun dalam perayaan Ekaristi.

Ketiga, tidak ada peraturan dalam Gereja Katolik yang melarang seseorang yang bukan Katolik dimakamkan bersama dengan saudara-saudari yang beragama Katolik. Jadi, meskipun anggota keluarga lain semuanya beragama Katolik, saudara yang Kristian ini dapat dikebumikan di makam keluarga.

Jika ada peraturan yang melarang, peraturan itu bukan berasal dari Gereja Katolik sebaliknya dari lembaga lain atau keluarga itu sendiri.

Soalan II: Apa ertinya penggunaan dupa dalam kaitan upacara kematian? Apakah ada dasar biblisnya? — Randy

Sudah sejak Gereja awali, dupa digunakan dalam upacara-upacara dalam kematian dan dalam perayaan-perayaan agung. Dupa merupakan simbol daripada doa dan penghormatan kepada Tuhan atau benda-benda yang disucikan.

Maka dapat dikatakan dupa adalah simbol daripada kekudusan. Itulah sebabnya mengapa altar, lilin Paskah dan orang-orang dan jenazah didupai pada misa pemakaman. Praktik penggunaan dupa dapat dilihat pada Keluaran 30: 34-38. — ***Fr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com***

Sahabat kecil Yesus

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah:

"Di manakah Anak yang baru lahir itu, yang akan menjadi Raja orang Yahudi? Kami sudah melihat sebuah bintang muncul di sebelah timur, yang adalah tanda kelahiran-Nya. Jadi kami datang untuk menyembah Dia" (Matius 2:2)

Hello adik-adik,

Apa khabar? Tidak lama lagi, cuti sekolah akan berakhir.

Auntie harap, adik-adik sudah bersedia untuk menghadapi pembelajaran di sekolah pada minggu hadapan.

Pada hari Minggu ini kita merayakan Pesta Epifani, yang ertinya 'Penampakan Tuhan'.

Kita merayakan pernyataan Yesus yang pertama kalinya kepada dunia bahawa Dia adalah Mesias, Seorang Raja yang telah dinantikan.

Bacaan Injil hari ini mengisahkan tentang tiga orang majus dari Timur yang dengan melihat sebuah bintang di langit, dan dengan bantuan rahmat daripada Tuhan, mereka datang mencari kelahiran Sang Mesias tersebut di tanah Israel.

Auntie amat berharap, agar adik-adik dapat meneladani orang-orang majus ini yang datang mencari Yesus, mengenal Dia dan sujud kepada Dia.

Semoga kisah para majus ini memberikan adik-adik semangat untuk terus menjadi sahabat-sahabat kecil Yesus yang sentiasa melakukan kebaikan dan mewartakan Yesus melalui perbuatan serta kata-kata kita!

Salam sayang
Auntie Melly

CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI:

Bangkitlah, menjadi teranglah, sebab terangmu datang dan kemuliaan TUHAN terbit atasmu (yesaya 60:1)

									Z	C								
									L	I								
							R	A	J	A								
							M	T	W	K								
						C	T	B	W	N	T							
						B	I	L	H	A	H							
X	Y	A	B	I	G	A	I	L	S	A	L	O	M	E	S	I	A	S	U
H	V	C	R	B	E	T	L	E	H	E	M	A	J	S	A	W	A	H	Z
	U	M	U	B	I	N	T	A	N	G	W	F	O	A	R	C	X	N	
		E	T	Y	U	I	M	A	J	U	S	I	C	E	E	V	E		
			H	F	C	X	W	H	A	N	N	A	H	K	B	M			
				E	L	I	Z	A	B	E	T	H	E	Z	E			
			S	H	A	G	A	R	R	C	S	U	J	U	D	I			
			M	E	O	L	E	A	H	Y	M	F	E	L	A	I			
		Z	I	P	E	R	S	E	M	B	A	H	A	N	H	N	P		
		T	F	V	Q	X	R	V			Y	F	C	A	N	A	K		
	R	I	S	R	A	E	L					H	E	R	O	D	E	S	
	M	A	R	I	A									S	Y	M	K	F	
G	A	W	A													I	G	J	X
D	M																	O	D

RAJA
MESIAS
BETLEHEM
BINTANG

MAJUS
ANAK
PERSEMBAHAN
SUJUD
ISRAEL
HERODES
MARIA
ELIZABET
HANNAH
HAGAR
ABIGAIL

Ada beberapa ibu yang hebat dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baharu. Padankan ibu dan anak. Tulis semula huruf yang betul pada ruangan kosong.

IBU		ANAK
	___ 1. Maria	A. Yosef
	___ 2. Sarah	B. Samuel
	___ 3. Elisabeth	C. Isaac
	___ 4. Rachel	D. Yesus
	___ 5. Hannah	E. Yohanes Pembaptis

BELIA MILENIUM

Wartakan kedatangan-Nya dengan nyanyian dan pujian

KOTA KINABALU: Untuk tahun kedua, paroki Katedral Sacred Heart tidak dapat mengadakan karoling dari rumah ke rumah meskipun SOP telah dilonggarkan untuk fasa empat.

Walau bagaimanapun, terima kasih kepada teknologi moden, paroki terus membawa berita gembira Krismas kepada umat melalui karoling dalam talian!

Selaras dengan SOP masa kini, paroki memutuskan konsep hibrid untuk "Carols by Candlelight" pada 19 Dis.

Fr Paul menjemput pembantu paderi, ahli-ahli Majlis Pastoral, beberapa religius dan kumpulan pelayanan untuk karoling fizikal; juga Karoling dalam talian disiarkan secara langsung di saluran YouTube.

Karoling dimulakan dengan lagu "O come Divine Messiah!" oleh kumpulan Koir Bahasa Inggeris, diikuti doa pembukaan oleh rektor dan pembacaan Injil Lukas 2:1-14 mengenai kelahiran Yesus.

"Di dalam Tuhan sahaja kita dapat beroleh sukacita keselamatan. Jangan berputus asa, tetapi percayalah kepada Tuhan," kata Fr Paul. "Para penyanyi adalah seperti malaikat yang memberitakan Berita Baik dan membawa sukacita dan harapan kepada hati mereka yang percaya kepada-Nya," ujar Fr Paul.

Uskup Agung John Wong pula bercakap tentang dua fasa Adven: fasa satu menekankan pada pertaubatan, untuk berjaga dan berdoa; manakala fasa dua (17-24 Dis) memfokuskan pada kegembiraan dalam penantian penuh kesyukuran akan kedatangan Yesus.

"Kedatangan-Nya sebagai anugerah adalah yang membawa limpahan berkat dan sumber harapan bahawa Tuhan bersama kita," jelas beliau.

Setiap koir bergilir-gilir mempersembahkan tiga lagu dalam bahasa masing-masing – Bahasa Inggeris, B.Malaysia, Mandarin dan Kadazan, yang menyampaikan kegembiraan dan harapan Krismas.

Bak kata pepatah, 'tanpa persiapan, tiada perayaan'. Oleh itu, paroki juga telah mengadakan Sakramen Pengakuan individu Adven pada 6-17 Dis, untuk umat sebagai persiapan mereka menyambut kelahiran Yesus. Sakramen Pengakuan itu diadakan setiap hari, kecuali pada hujung minggu, dengan tiga slot masa yang membenarkan had maksimum 200 umat untuk setiap slot masa dengan mematuhi SOP.

Graduan MYTC mahu sumbang kepakaran untuk masyarakat

KINARUT: Pusat Latihan Belia Montfort (MYTC) meraikan Majlis Graduasi Ke-21 untuk 72 pelatih Batch 21 pada 21 Dis.

Para pelatih Batch ke-21 ini telah berjaya menamatkan program dua tahun mereka, yang terdiri daripada latihan kemahiran industri teknikal dan pembentukan sahsiah.

Turut hadir pada majlis itu ialah Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Dompok, pengerusi MYTC Board of Governors (BOG), Jeffrey Ong, presiden Persatuan Pemilik Harta Tanah Malaysia (MEOA), dan ahli-ahli BOG iaitu Chiang Wei Chia dan Joseph Tek, para kakitangan MYTC dan Bro Francis Xavier Gasper.

Pada tahun ini, 37 pelatih telah menduduki peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM): mekanik motor (18), pertukangan kayu (6) dan penyejukbekuan dan penyaman udara (13). Enam belas pelatih di bawah kursus kimpalan berjaya melepasi Ujian Kecekapan SMAW 6G dan 3G di bawah Teknologi CIDB, manakala 19 pelatih juga lulus dalam kursus kursus Konduktor Ladang Kelapa Sawit (OPP). Kesemua pelatih lulus peperiksaan dengan lapan markah melebihi 90

peratus, yang melayakkan mereka menerima Terampil Cemerlang (Skor Cemerlang) serta hadiah wang berjumlah RM150.

Pengijazahan itu juga menandakan kumpulan sulung 19 pelatih yang menamatkan latihan mereka dalam kursus Konduktor Ladang Kelapa Sawit MYTC-MEOA, yang merupakan gabungan kerjasama yang bermula pada Jun 2019.

Dompok dalam ucapannya mengatakan, pada masa lalu, ramai yang pernah memiliki persepsi yang salah tentang Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Orang ramai beranggapan bahawa graduan TVET hanya untuk mereka yang kurang berkelayakan, yang tidak berjaya ke universiti dan yang tiada pilihan selain bekerja sebagai petani di ladang keluarga mereka dan bukannya pergi ke sekolah.

Bagaimanapun, menurut Dompok, masa masa telah berubah; TVET kini menjadi pendidikan masa kini dengan kerajaan memberi tumpuan kepada peningkatan TVET. Beliau mengucapkan terima kasih kepada penaja dan dermawan atas sokongan mereka dalam Misi Montfort, dan menggesa mereka terus komited dalam membantu melahirkan graduan-graduan MYTC yang berkemahiran tinggi.

Anugerah Pelatih Terbaik bagi kumpulan ini disandang Jackrian Jikum, 21, dari Kampung Kolam, Damai Luyang, Kota Kinabalu.

Beliau mengambil Mekanik Penyejukbekuan & Penyaman Udara (Domestik). Beliau bukan sahaja mencapai kepujian kelas pertama dalam peperiksaan SKM Tahap 2 dan Tahap 3, tetapi bertugas sebagai ketua yang bertanggungjawab mengawasi Makanan dan Minuman di kediaman kampus. Jackrian berkata bahawa dia berhasrat untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya pada masa hadapan.

Di tengah-tengah cabaran pandemik COVID-19, Institusi MYTC berjaya mendapatkan pekerjaan untuk kira-kira 70% daripada graduan di bawah Skim Penempatan Pekerjaan Montfort dengan syarikat di Pulau Pinang, Labuan dan Sabah.

Malah ada juga di antara pelajar yang memutuskan melanjutkan pelajaran dengan usaha sendiri.

Fahami penderitaan migran dan pelarian yang melarikan diri dari 'Herodes'

ROMA: Dengan merenung akan kejadian Keluarga Kudus yang melarikan diri ke Mesir dari amukan pembunuhan Herodes, orang Kristian tidak boleh menutup mata mereka terhadap fakta bahawa terlalu ramai orang di dunia hari ini terpaksa meninggalkan tanah air mereka, kata Sri Paus Fransiskus.

"Herodes adalah simbol pelbagai bentuk kezaliman sejak dahulu hingga hari ini; orang-orang zalim ini hanya mementingkan kuasa dan tidak kisah menghapuskan orang. Kita tidak perlu pergi ke sejarah kuno untuk mencari contoh seperti itu, pada masa kini, hal ini banyak berlaku," kata Bapa Suci semasa audiensi mingguan bersama umat awam pada 29 Disember.

Prelatus itu meneruskan siri katekesisnya tentang Sto Yosef, yang menekankan keberanian Yosef dalam membawa Maria dan bayi Yesus ke Mesir untuk melarikan diri dari Herodes. Bapa Suci membandingkan keberanian Sto Yosef dengan keberanian pendatang dan pelarian yang meninggalkan tanah air mereka demi melindungi. dan membantu keluarga

"Lindungi semua orang yang melarikan diri kerana peperangan, kebencian dan kelaparan," seru Sri Paus Fransiskus. "Sokonglah mereka yang dalam kesukaran, kuatkan mereka dalam harapan, dan sambutlah mereka dalam perpaduan," kata Sri Paus.

Keluarga Kudus juga mengalami "kegelisahan, ketakutan dan kesakitan yang sama kerana terpaksa meninggalkan tanah air mereka" seperti yang dialami oleh pendatang dan pelarian hari ini.

"Ramai saudara dan saudari kita terpaksa hidup dalam ketidakadilan dan penderitaan yang berpunca dari keangkuhan dan keganasan pihak berkuasa."

Sesiapa sahaja boleh menjadi "Herodes kecil" katanya Sri Paus. Ia berlaku "setiap kali kita cuba menghilangkan ketakutan kita dengan keangkuhan, walaupun hanya lisan atau melakukan sesuatu yang bertujuan untuk mengaibkan seseorang.

Yosef pula bertindak sebaliknya. Dia memiliki keberanian untuk mengikuti nasihat malaikat agar pergi mencari keselamatan, walaupun itu bermakna harus pergi ke negeri asing di mana bahasa yang berbeza digunakan.

Setiap orang akan menghadapi beberapa kesukaran dalam hidup, dan itu boleh membuatkan mereka berasa terancam dan takut, katanya. Tetapi tidak seperti Herodes, yang bertindak balas dengan keganasan, Sto Yosef bertindak balas "dengan keberanian untuk mempercayai pemeliharaan Tuhan."

Bapa Suci meminta orang ramai di hadirin untuk berdoa untuk "pendatang dan semua yang teraniaya, dan semua mereka yang menjadi mangsa akibat keadaan buruk, sama ada politik, sejarah atau peribadi."

"Mari kita fikirkan ramai orang yang menjadi mangsa peperangan, yang ingin melarikan diri dari tanah air mereka tetapi tidak dapat; mari kita fikirkan para pendatang yang melangkah ke jalan menuju kebebasan tetapi berakhir di jalan atau di laut; mari kita fikirkan Yesus dalam pelukan Yosef dan Maria, melarikan diri, dan marilah kita melihat di dalam Dia setiap seorang dari penghijrah hari ini," kata Sri Paus. — ***media Vatikan***

Sri Paus tersenyum, bakal dikanonisasi 4 Sept, 2022

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus akan membeatifikasi 'Sri Paus yang selalu tersenyum' Yohanes Paulus I pada 4 September, 2022. Menurut Media Vatikan, Sri Paus yang memegang Takhta Suci selama 33 hari sahaja itu akan dibeatifikasi di Basilika St Peter.

Pada bulan Oktober, Sri Paus Fransiskus telah menandatangani dekri yang mengiktiraf keajaiban berkaitan perantaraan doa terhadap Sri Paus Yohanes Paulus I, yang membuka jalan untuk beatifikasinya.

Mukjizat yang dikaitkan dengan kesucian Yohanes Paulus I adalah penyembuhan pada tahun 2011 yang dialami seorang gadis di Keuskupan Agung Buenos Aires, Argentina, dari ensefalopati, penyakit yang mempengaruhi otak, yang parah.

Yohanes Paulus I telah dipilih sebagai Sri Paus pada 26 Ogos 1978, selepas kematian Paulus VI. Keutamaannya sebagai Sri Paus meskipun dalam masa singkat ialah meneruskan karya-karya Konsili Vatikan Kedua.

Beliau meninggal dunia tanpa diduga pada 28 September 1978, pada usia 65 tahun, dan digantikan oleh Sri Paus Yohanes Paulus II. Walaupun beliau adalah salah seorang ketua Gereja sejagat paling singkat dalam sejarah, Sri Paus Yohanes Paulus I meninggalkan kesan abadi kepada gereja yang mengingati beliau sebagai "Sri Paus yang tersenyum.

Yohanes Paulus I dinyatakan oleh Paus Fransiskus pada 2017 sebagai venerabilis (yang layak dihormati) – satu tahap sebelum mendapat gelar beato.

Dalam artikel April 2020 di *L'Osservatore Romano*, Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin menulis bahawa "Sri Paus Yohanes Paulus I adalah dan kekal sebagai titik rujukan dalam sejarah Gereja universal.

Pada tahun 2008, sempena ulang tahun ke-30 kematian Yohanes Paulus I, Sri Paus Benediktus XVI , Yohanes Paulus I, yang memilih moto episkopal yang sama seperti St. Charles Borromeo: *Humilitas* (Kerendahan Hati),

Katanya, "Kerendahan hati Yohanes Paulus I adalah pengajaran konkrit yang kukuh dan bermanfaat." — ***media Vatikan***

Karya gigih damai tidak lesu di tengah-tengah

VATIKAN: Menjelang akhir tahun 2021, presiden eksekutif *Aid to the Church in Need (ACN),* Dr. Thomas Heine-Geldern, menyatakan bahawa penganiayaan agama di seluruh dunia telah meningkat.

Di negara-negara tertentu, walaupun orang Kristian adalah sebahagian daripada populasi negara namun terlalu kerap mereka dianggap sebagai warganegara kelas kedua. Di Iraq, Syria dan Lubnan, umat Kristian mengalami kesan selepas perang dan keadaan ekonomi yang terdesak. ACN sedang bekerjasama dengan dermawan dan rakan kongsi projek untuk membantu orang Kristian di Timur Tengah agar mereka menjalani kehidupan yang bermaruah dan, yang paling penting, untuk melegakan penderitaan mereka.

Namun begitu, terdapat beberapa peristiwa yang menandakan usaha gigih memulihkan hubungan yang berterusan. Misalnya pada awal Disember, dunia berkongsi sinar harapan apabila umat Kristian dan Mulim di Arab bersatu, khususnya dengan pembukaan serta perasmian Katedral Our Lady of Arabia di Bahrain, yang pembinaannya ditaja bersama oleh ACN .

Minggu Merah, acara yang memperingati mereka yang dianiaya kerana iman mereka.

Begitu juga dengan usaha Sri Paus Fransiskus. Lawatannya ke Iraq pada musim bunga lalu memberi ketenangan dan harapan kepada minoriti Kristian tempatan. Paling penting, Bapa Suci membawa perhatian masyarakat antarabangsa tentang keadaan orang Kristian di Iraq dan di seluruh Timur Dekat.

ACN juga gembira dengan terbitnya laporan mereka, "Kebebasan Beragama" yang dikeluarkan pada April dengan kerjasama wartawan dan pakar antarabangsa. Laporan itu bukan sahaja merangkumi penganiayaan agama di banyak negara di dunia, tetapi ia juga merupakan tanda dan bukti bahawa kita semua — Gereja dan komuniti agama, NGO, ahli politik dan tokoh masyarakat—mesti bersama-sama bangkit untuk hak asasi manusia untuk kebebasan beragama.

Inisiatif "Rabu Merah/Minggu Merah" juga berkembang menjadi simbol yang sangat ketara di seluruh dunia yang memperingati penderitaan orang Kristian. Kempen ini telah dilancarkan oleh ACN pada 2015, dan hari ini semakin banyak gereja dan institusi di seluruh dunia mengambil bahagian dalam inisiatif yang diadakan pada akhir November. — ***LiCASnews.com***

Arkeologi Israel temui sisa-sisa peninggalan Sanhedrin

ISRAEL: Arkeologi Israel telah menemui sisa-sisa bangunan yang berasal dari zaman Sanhedrin, badan legislatif Yahudi yang wujud di Tanah Suci pada zaman Perjanjian Baru.

Kota ini adalah tempat Sanhedrin diasingkan setelah kejatuhan Yerusalem dan penghancuran Bait Suci oleh orang Romawi pada tahun 70 M. Badan legislative itu wujud hingga abad ke-5 namun kekuasaannya dikurangkan.

Penggalian tinggalan sejarah itu dilakukan di Yavne. Menurut kenyataan dari pihak berkuasa Israel, "Untuk pertama kalinya di Yavne, penggalian menemui sebuah bangunan industri yang berasal dari abad pertama hingga ketiga Masehi.

"Lantainya berisi beberapa pecahan periuk yang dikenal sebagai 'gelas ukur', bejana kapur yang mempertahankan kemurnian ritualnya dan diidentifikasi dengan populasi Yahudi pada akhir periode Bait Suci Kedua dan abad kedua Masehi. Pemakaman yang mengesankan ditemukan hanya 70 meter dari gedung," kata kenyataan tersebut. — ***media Vatikan***

Tidak ada istilah 'bersara' dalam pelayanan

KUCHING: Seorang Sister dari Kongregasi *Sisters of St Francis of Sarawak* (SSFS), berusia 93 tahun, menyambut ulang tahun platinumnya sebagai biarawati bersama sembilan orang biarawati SSFS yang lain.

Sr Bridget Then, yang masih aktif melayani dan mempersembahkan doa, diraikan dalam Perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh pada 19 Dis lalu.

Misa itu dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh. Prelatus itu dibantu oleh Uskup Agung Emeritus John Ha, Fr Patrick Heng dan Fr Martin Wong. Ia disiarkan secara langsung dari Chapel of Home of Santa Clara, rumah persaraan para Sisters.

Disebabkan pandemik, religius dan ahli keluarga tidak dapat menghadiri majlis yang penuh makna itu, namun mereka tetap dapat mengalami kegembiraan dengan menonton acara itu dalam talian.

Para religius SSFS yang diraikan ulangtahun Platinum, Intan, Emas dan Perak pada hari itu ialah:

Sr Bridget Then – Platinum
Sr Felicia Yong – Intan
Sr Beatrice Ng – Intan
Sr Mildred Chin – Intan
Sr Matilda Abui – Intan
Sr Theodora Lai – Emas
Sr Jennifer Nyidom – Emas
Sr Irene Chengann – Perak
Sr Michelina Martin – Perak
Sr Rose Wong – Perak

Namun hanya lapan Jublirian yang dapat hadir. Dua daripadanya tidak berada di Kuching namun kedua-dua biarawati itu tetap mengikutinya secara maya.

Barisan hadapan, dari kiri: Sr Matilda Abui dan Sr Mildred Chin. Baris kedua, berdiri, dari kiri: Sr Irene Chengann, Sr Jennifer Nyidom, (duduk dari kiri) Sr Beatrice Ng, Sr Felicia Yong, Sr Bridget Then, (berdiri di kanan) Sr Rose Wong. Barisan belakang, dari kiri: Fr Patrick Heng, Uskup Agung Simon Poh, Uskup Agung Emeritus John Ha, Fr Martin Wong. (Gambar:Amelia Chieng, Today's Catholic)

Diketuai oleh Superior Jeneral Sr Rose Wong, para Jublirian memperbaharui komitmen mereka, "untuk hidup dalam Kemiskinan, Kesucian dan Ketaatan, menrut Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Para Sisters of St Francis."

Sr Rose mengucapkan tahniah kepada para Jublirian lebih-lebih lagi di atas pelayanan kasih dan penyerahan diri sepenuhnya kepada keluarga SSFS serta umat Tuhan demi misi-Nya.

Sr Rose mengatakan salah seorang Sister tertua dalam kongregasi itu, Jubilarian Platinum, Sr Bridget Then yang berusia 93 tahun, masih setia berdoa setiap hari, menghadiri Misa harian dan terus memberikan pelayanan hariannya kepada para Sister dalam komunitinya.

"Terbukti umur hanyalah angka. Kasih terhadap Tuhan dan sesamalah yang membuat seseorang berbeza daripada orang lain," kata Sr Rose.

Lima Friar Fransiskan kunjung hormat Uskup Agung John Wong

KOTA KINABALU: Empat orang Friar Fransiskan yang berasal dari Sabah membuat kunjungan kehormat kepada Uskup Agung John Wong pada 18 Disember lalu. Empat orang Friar ini telah ditahbis ke jabatan diakon oleh Uskup Agung William Goh di Katedral Gembala Baik, Singapura pada 26 November 2021.

Turut menyertai kunjungan kehormat tersebut ialah Diakon Fransiskan yang lahir di Indonesia, dan kini menjadi warga Singapura.

Para diakon Fransiskan tersebut terdiri daripada Cosmas Francis, Crispus Mosinoh, Gerald Terence, Sixtus Pitah dan Robin Toha. Friar Gerald Terence dan Crispus Mosinoh berasal dari Sandakan, Friar Sixtus Pitah pula berasal dari Lahad Datu and Cosmas Francis dari Tambunan.

Mereka melawat Pusat Keuskupan Agung Katolik (CAC) di Jalan Sang Kancil. Selain mengadakan kunjungan hormat kepada Uskup Agung John Wong di pejabat baharunya pada 18 Dis, mereka juga diperkenalkan kepada kakitangan CAC.

Sebagai diakon baharu, mereka juga telah diutus untuk melayani di beberapa paroki berkuatkuasa Januari 2022. Crispus diutus ke Paroki Christ the King, Air Itam, Pulau Pinang; Sixtus ke Paroki St Joseph, Plentong, Johor; Gerald Saimel ke Paroki St Dominic, Lahad Datu, Sabah; Cosmas ke St Theresa of Avila, Tambunan, dan Robin ke Paroki St Joseph, Bukit Timah, Singapura.

Berikut merupakan perkongsian panggilan beberapa orang Friar Fransiskus tersebut:

Dari kiri: Para Friar Fransiskan diapit oleh kakitangan Catholic Sabah, Lily Akau (kiri) dan Caterine Musa semasa kunjungan mereka pada 18 Dis.

Pengalaman indah saya sendiri tentang kasih dan pengampunan Tuhan melalui Sakramen pengakuan adalah satu sebab mengapa saya menyahut panggilan imamat. Saya ingin berkongsi bahawa kasih Tuhan lebih besar daripada dosa kita. Saya mengalami belas kasihan Tuhan melalui kata-kata penghiburan dan dorongan daripada imam setiap kali saya membuat pengakuan yang mana membantu memulihkan kekuatan dan iman saya kepada Tuhan. Saya ingin memberi inspirasi kepada semua umat untuk terus berharap pada misteri keselamatan Tuhan walaupun kita mungkin jatuh berkali-kali. — ***Cosmas Francis***

Saya boleh mengatakan dengan yakin dan tulus bahawa jika Tuhan telah memilih saya untuk menjadi hamba-Nya dan utusan-Nya melalui pelayanan Diakon, kerana Dia-lah yang melayani saya terlebih dahulu dan memberitakan Khabar Sukacita kepada saya tentang kasih-Nya yang tidak bersyarat. — ***Gerald Terence***

Sepanjang pembentukan saya sebagai Fransiskan, saya berpeluang mengasihi dan melayani Tuhan yang hadir dalam diri orang di sekeliling saya dalam pelbagai situasi. Dalam pembentukan ini, saya merasakan pelayanan kepaderian akan memberikan saya peluang untuk mengasihi dan melayani dengan lebih baik, terutamanya dalam memainkan peranan sebagai imam dalam Sakramen Pengakuan, Ekaristi, dan Pengurapan Orang Sakit. Setelah mengalami kasih dan belas kasihan Tuhan dalam hidup saya, saya merasakan panggilan untuk menjadi alat membawa kasih dan belas kasihan-Nya kepada ramai orang melalui sakramen-sakramen ini.— ***Robin Toha***

Kenali Santo Anda
St Basil & Gregory
~ 2 Jan ~

Basil dan Gregory dilahirkan di Asia Kecil pada tahun 330 yang sekarang ini adalah Turki. Kedua-dua oang kudus ini bertemu dan bersahabat baik ketika bersekolah di Athena, Yunani.

Basil kemudian menjadi seorang guru yang tersohor. Beliau kemudiannya menjadi biarawan atas dorongan saudarinya, Sta Makrina. Basil pergi ke tempat yang sunyi dan di sana mendirikan biaranya yang pertama. Regula (peraturan biara) yang ditetapkannya amat bijaksana sehingga masih diterapkan oleh biara-biara Gereja Timur hingga sekarang.

Baik Basil mahupun Gregory, kedua-duanya menjadi Uskup. Mereka berani berkhotbah menentang ajaran sesat "Arianisme" yang menyangkal bahawa Yesus adalah Tuhan. Ajaran sesat ini membingungkan banyak orang.

Ketika menjadi Uskup Konstantinopel, Gregory mempertobatkan banyak orang dengan khotbah-khotbahnya yang mengagumkan. Namun, kerana keberaniannya, Gregory sering berhadapan dengan pelbagai risiko bahaya. Tetapi betapa luhurnya hati Gregory, dia mengampuni mereka yang cuba membunuhnya

Lebih kurang 44 khotbah, 243 surat St Gregory dan puluhan puisinya kemudian diterbitkan yang masih amat penting hingga saat ini. Ia juga menjadi rujukan penting kepada para penulis sepanjang zaman.

Semoga teladan serta ajaran St.Basil dan St. Gregory senantiasa mendorong kita "untuk menyatakan kebenaran di dalam kasih" (Ef 4:15). Biarlah semangat tersebut menjadi doa kita pada hari ini.

St John Neumann
~ 5 Januari ~

John Neumann seeorang yang bertubuh pendek dan pendiam tetapi peramah. Dilahirkan pada 28 Mac 1811 di Bohemia, yang sekarang ini terletak di Republik Czech.

Orang tuanya adalah Filipus dan Agnes Neumann. Setelah lulus dari sekolah, John masuk seminari. Ketika tiba masanya untuk ditahbiskan, Bapa Uskup jatuh sakit. Oleh itu, pentahbisan imamatnya tertangguh, lagipun pada ketika itu, Bohemia sudah memiliki ramai paderi.

John akhirnya memutuskan untuk ke Amerika agar dapat ditahbiskan. Beliau tiba di Manhattan pada 9 Jun 1836. Uskup John Dubois amat gembira menyambut kedatangannya kerana kekurangan paderi di keuskupannya.

16 hari selepas ketibaannya, John ditahbis sebagai paderi. Dia memilih mission yang paling sukar, tinggal di situ dan hidup dalam kedaifan agar penduduk di kawasan terpencil mendapat pelayanan Sakramen-sakramen. John juga amat akrab dengan kaum migran sehingga mampu menguasai 12 bahasa asing.

John bergabung dengan Kongregasi Redemptoris dan melanjutkan karya misinya. Beliau diangkat menjadi Uskup Philadelphia pada tahun 1852. Uskup John Neumann mendirikan banyak Gereja dan sekolah.

John meninggal dunia pada 5 Januari 1860. John Neumann dinyatakan kudus oleh Sri Paus Paulus VI pada 19 Jun 1977.

Mungkin kita tidak sepandai atau sehebat seperti yang kita harapkan. Tetapi hal tersebut tidak menghalangi Tuhan untuk tetap mencintai kita dan memanggil kita untuk melakukan hal-hal yang mengagumkan.

Ketika kita harus melakukan sesuatu yang sukar, mohonlah bantuan doa St John Neumann!

Mingguan Katolik
HERALD
EDARAN DALAMAN SAHAJA

PERMOHONAN DOA SRI PAUS (JANUARI)

Bagi persaudaraan manusia sejati: Kita berdoa agar mereka yang menderita akibat diskriminasi dan penganiayaan agama, semoga hak-hak dan martabat mereka diakui, yang berpangkal persaudaraan dari keluarga manusia.

Januari 2, 2021

Pastikan keadilan kepada semua ciptaan

SANDAKAN: Ini adalah tahun kedua berturut-turut bahawa perayaan Krismas, kelahiran Yesus Kristus Penyelamat kita, dirayakan dalam SOP demi membendung penularan Covid-19.

Ketua Keuskupan Sandakan, Uskup Julius Dusin Gitom dalam pesan Natalnya kepada semua umat Kristian di Sabah bahawa, "Pandemik dan SOP tidak menjadikan sambutan Krismas kurang bermakna. Kita meraikan iman kita kepada Tuhan yang telah mengutus Anak-Nya ke dunia untuk menyelamatkan kita! Oleh itu, di sebalik semua sekatan, kita menyambut Krismas dengan penuh makna, penuh kegembiraan bersama keluarga, komuniti dan rakan-rakan".

Katanya, "Krismas tahun ini pastinya akan lebih bermakna selepas kita melalui dua tahun melalui kepayahan dan ketidakpastian dalam hidup kita".

"Pengalaman ini telah mengajar kita untuk bersatu dengan semua orang di tengah-tengah situasi yang sukar seperti pandemik coronavirus."

Tetapi Putera Tuhan datang bukan hanya untuk mendamaikan manusia dengan Tuhan. Uskup Julius menerangkan bahawa Putera Tuhan juga datang untuk membawa kedamaian kepada semua ciptaan. Prelatus itu mengajak umat untuk merenung apa yang dikatakan oleh Sri Paus Fransiskus dalam mesej Krismasnya tahun lalu "Pada masa ini, yang

Gambar fail: Uskup Julius Dusin Gitom mendupai palungan semasa Misa Malam Natal di Katedral St Mary Sandakan, sebelum pandemik.

ditandai dengan krisis ekologi dan ketidakseimbangan ekonomi dan sosial yang teruk serta diburukkan lagi oleh pandemik coronavirus, adalah lebih penting bagi kita untuk mengakui satu sama lain sebagai saudara dan saudari" (*Urbi et Orbi 2020*).

"Krisis ekologi ini adalah nyata dan telah pun mencapai tahap kritikal. Tahun ini kita telah menyaksikan keadaan cuaca ekstrem di banyak bahagian dunia, kemarau di beberapa bahagian Afrika, banjir terburuk di banyak bahagian Eropah dan tempat lain. Malah di Sabah, kita telah melihat banjir lumpur di Kg Sugud di Penampang, dan hujan lebat menyebabkan banjir dan tanah runtuh di beberapa kawasan lain."

"Perubahan iklim ini adalah hasil daripada aktiviti manusia yang tidak berhenti atas nama pembangunan selama bertahun-tahun. Bumi menangis dalam kesedihan, tetapi adakah kita mendengar rintihan ibu bumi kita?"

Uskup Julius menekankan bahawa orang yang membayar paling banyak sebagai akibatnya adalah yang termiskin di dunia. "Kita telah mendengar berkali-kali bahawa 'seruan orang miskin adalah tangisan ibu Bumi kita'".

"Sri Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa semua makhluk hidup bergantung antara satu sama lain. Kita perlu memikirkan semula masa depan rumah kita bersama. Jika kita membinasakan ciptaan, ciptaan akan membinasakan kita," ujar Uskup Julius.

Bapa Uskup Julius berharap agar semua umat terdorong untuk melakukan sesuatu yang baik untuk ibu Bumi kerana Katekismus Gereja Katolik mengajar kita "Tuhan menghendaki saling ketergantungan antara ciptaan-Nya, agar saling melengkapi dan melayani satu sama lain (lih. KGK 340)

Pada akhir pesannya, prelatus itu berpesan, "Krismas menawarkan kita banyak harapan untuk masa depan yang lebih baik kerana Tuhan bersama kita. Kita berada dalam masa yang 'bermasalah', diburukkan lagi oleh wabak coronavirus. Tetapi Tuhan sedang berjalan bersama kita, memimpin kita ke hadapan dan Dia akan menyelamatkan kita".

"Kepada Dialah kita meletakkan harapan dan kepercayaan kita!"

Shrine SP Maria dari Lourdes peringati korban Kawad Maut



Shrine SP Maria dari Lourdes untuk memperingati korban Kawad Maut pada Perang Dunia Kedua.

RANAU: Sebuah shrine untuk memperingati kira-kira 2,000 tentera yang terkorban semasa Kawad Maut dari Sandakan ke Ranau semasa akhir Perang Dunia Kedua, bernama *Our Lady of Lourdes Death March* diberkati oleh Uskup Agung John Wong di Gereja Katolik St Peter Claver Ranau (SPCR) pada 16 Dis 2021.

Dalam ucapannya, prelatus menyatakan bahawa orang ramai yang datang ke acara itu, bukan sahaja untuk merenung keindahan shrine yang baru dibina, tetapi juga untuk berdoa agar Santa Perawan Maria dari Lourdes menjadi pengantara doa untuk semua khususnya bagi jiwa-jiwa yang telah meninggal dunia.

Rektor SPCR, Fr Nicholas Stephen berkata, tujuan asal pembinaan *shrine* ini adalah untuk mendoakan roh-roh yang terkorban semasa pendudukan Jepun dan juga roh mereka yang tidak pernah didoakan.

"Saya dan Fr Francis Tsen tergerak hati untuk mendirikan monumen atau *shrine* ini kerana kita tahu di seluruh dunia jika ada mangsa perang dan seumpamanya, kita hanya mendirikan tugu peringatan. Tetapi tiada monumen didirikan khusus untuk mendoakan roh mereka.

"Berpuluh tahun selepas Perang Dunia Kedua, ramai jiwa dibunuh tanpa bersedia dan itulah sebabnya jiwa mereka tidak tenang. Dan sebagai seorang Kristian Katolik, menjadi tanggungjawab kita untuk mendoakan mereka yang telah pergi, terutama mereka yang pergi dengan mengejut," katanya.

Oleh itu, tergerak rasa belas kasihan apabila mengenangkan jiwa-jiwa yang tidak tenang di alam lain ini, Fr Nicholas dan Fr Francis mengambil inisiatif untuk mendirikan monumen itu.

Dengan terbinanya *shrine* ini, Fr Nicholas menjangkakan ia juga akan menjadi mercu tanda bagi Ranau suatu hari nanti, di mana pengunjung dari Britain, Australia, New Zealand dan lain-lain yang mempunyai saudara mara yang terkorban dalam perang dunia boleh datang ke mengunjungi tempat ini sambil mendoakan arwah bapa, datuk atau nenek moyang mereka.

Dalam pada itu, Fr Nicholas juga mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang dari seluruh negara dan juga umat di paroki Ranau yang telah menderma dan menjadikan shrine ini suatu realiti.

Turut hadir dalam Misa Kudus pemberkatan itu ialah pembantu paderi SPCR, Fr Maxmilliano Hontor, Fr Ned Columba Moujing dan ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki. — ***Delilah Kiau***

Penutupan tirai akademik 2021 Rumah pembentukan Sto Joseph

KENINGAU: Rumah Pembentukan St.Joseph menutup tirai akademiknya tahun ini pada 13 Disember yang lalu dengan perayaan Ekaristi di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Kg.Tuarid, Tatal. Ini adalah empat bulan selepas pembukaan kalender akademik pada 9 Ogos yang lalu.

"Kita bersyukur kepada Tuhan di atas perlindungan dan kelancaran Rumah Pembentukan ini," kata Uskup Cornelius Piong di dalam homilinya.

"Namun seseorang yang benar-benar ingin dibentuk harus mempunyai perubahan sikap pada akhir tujuan pembentukannya, agar pembentukannya itu tidak menjadi sia-sia," tambah prelatus itu lagi.

Rektor Rumah Pembentukan St Joseph, Fr David Gasikol mengucapkan terima kasih kepada Bapa Uskup, para Paderi Keuskupan Keningau, tenaga-tenaga pengajar dan *Friends of St.Joseph* atas sokongan mereka sehingga adanya kelangsungan yang baik bagi Rumah Pembentukan itu.

Fr David menjelaskan bahawa sejumlah 27 orang aspiran dan seminarian ketika ini adalah berasal dari Keuskupan Keningau.

"Semoga Rumah Pembentukan ini menjadi aspirasi kepada kita agar satu hari nanti, Rumah Pembentukan yang khas boleh dibuhkan di Malaysia, sehingga kita tidak perlu

lagi menghantar para aspiran dan seminarian ke luar negara," demikian harapan dan doa Fr David.

Rumah Pembentukan St.Joseph yang berlokasi di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal ini, ditubuhkan dengan matlamat membantu para aspiran yang terkandas kerana kemasukan mereka di seminari di luar negara ditangguhkan akibat pandemik Covid-19. — ***Juanis Marcus***